



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

7 Sep 2020 (Isnin)

Berita Harian

PBT diberi kuasa ambil tindakan undang-undang	1
Teliti keberkesanan penalti lebih tinggi pesalah kes	2
Kadar pertumbuhan ekonomi negara lebih baik	3
'Bukan soal jawatan, tetapi berkhidmat untuk rakyat'	4

Utusan Malaysia

Majlis Agama Islam 'berpeluk tubuh'?	5
Azmin lebih selesa berkawan dengan Pas, UMNO	6
Pinda akta elak 'pesta' tiada air	7

Kosmo

Bayar gaji berdasarkan prestasi	8
---------------------------------	---

Sinar Harian

Harapan kepada LRA Langat 2	9
'Tak guna dapat air percuma jika bekalan asyik putus'	10
KPKT kaji kelompongan undang-undang	11
Umno desak pinda akta	12
2 ADUN Bebas Kedah sah sertai Bersatu	13
Bekalan air tidak patut dicemari dengan mudah	14
Air oh air...	15
Fokus pelaburan benilai tinggi	16

The Star

Hip to be square	17
Dry taps force residents to opt for staycations	18
Water woes put businesses in a bind	19
500 objections over golf course rezoning proposal	20
COUNCIL MATTERS	21
High alert for high tide on Sept 19 and 20	22
Uncollected rubbish mars recreational spot	23
Factory owner's son says they will cooperate over pollution issue	24
Water supply to 618 areas restored	25

New Straits Times

Apathy unlimited	26
'POLLUTERS MUST CLEAN UP THE MESS'	27
'Amendment will expand local authorities' power'	28
Klang MP suggests setting up river monitoring agency	29
'ENHANCED DoE DATABASE CAN TACKLE WATER ISSUE'	30
Fomca: Crisis shows reserve deficiency	31

The Malaysian Reserve

Growing calls to end Selangor's water issues	32
--	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	PBT diberi kuasa ambil tindakan undang-undang
Muka Surat	:	2



Beri PBT kuasa ambil tindakan undang-undang

Kerajaan akan mencadangkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dipinda bagi membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil tindakan lebih tegas terhadap pihak industri, termasuk pengusaha kilang dan bengkel yang menyebabkan pencemaran alam sekitar dan sumber air. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin menegaskan langkah itu akan memberi kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan undang-undang kerana ketika ini, kuasa itu hanya diperuntukkan kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui

Jabatan Alam Sekitar (JAS). *Muka 2*



Zuraida menerima cenderahati daripada Muhammad Sami ketika kunjungan hormat ke atas Menteri Besar Kedah di Wisma Darul Aman, Alor Setar, semalam. (Foto Amanah Hiasid/Iti)

PBT diberi kuasa ambil tindakan undang-undang

Pindaan Akta 171 akan diusul pastikan hukuman tegas pihak industri cemar sungai

Oleh Noorazura Abdul Rahman
 bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Pindaan terhadap Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) akan diwujudkan untuk membolehkan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan lebih tegas terhadap pihak industri yang menyebabkan pencemaran alam sekitar, termasuk sumber air.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata pindaan itu akan memberi kuasa kepada PBT mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang didapati melakukan kesalahan terbabit, termasuk pengusaha industri seperti kilang dan bengkel.

Beliau berkata, ketika ini, bidang kuasa mengambil tindakan undang-undang bagi kesalahan itu hanya diperuntukkan kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air memalui Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Kita akan kaji kelengkapan undang-undang supaya PBT juga boleh ambil tindakan terhadap pengilang yang menyebabkan

penecaman ekosistem alam, termasuk sumber air. Kementerian akan mencadangkan satu usul bagi mengubah undang-undang supaya PBT juga boleh mengambil tindakan mengikut Akta 171.

"Sebenarnya, kita memang dalam perediaan merangka ring undang-undang untuk pengangkutan lebih tegas dikenakan kepada pengilang seperti ini (bengkel di Rawang, Selangor yang disyaki menjadi punca pencemaran air di Lembah Klang).

"Pada masa sekarang, hanya Kementerian Alam Sekitar dan Air yang mempunyai kuasa mengambil tindakan terhadap pengilang yang melakukan pencemaran. Kami (PBT) hanya mengeluarkan lesen perniagaan dan kutip cukai dari premis perniagaan dan pengilang," katanya selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor di Wisma Darul Aman di sini, semalam.

Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang diminta mengulas sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) boleh mengambil tindakan tegas, termasuk menarik balik lesen operasi bengkel yang disyaki menjadi punca pencemaran Sungai Gong di Rawang, Selangor.

Kesan pencemaran sumber air itu memaksa operasi empat Loji Rawatan Air (LRA) di Sungai Selangor dihentikan pada Khamis lalu, iaitu LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan LRA

Rantau Panjang sehingga memejakkan kira-kira lima juta penduduk.

Melalu melaporkan pencemaran disyaki berpunca daripada bengkel berhampiran Sungai Gong yang menyebabkan 1,262 kawasan di sekitar Kuala Lumpur, Petaling, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat mengalami gangguan bekalan air tidak berjaya.

Susulan kejadian itu, empat bengkel yang juga pemilik bengkel terbabit direman enam hari bermula kelmarin hingga Khamis ini untuk siasatan polis.

Zuraida berkata, KPKT perlu diberi kuasa lebih luas kerana isu pencemaran sungai yang berpunca daripada sektor industri sering berulang di Selangor.

Justeru, beliau meminta kerajaan negeri mengambil serius kejadian sedemikian yang turut memerlukan penyelesaian holistik pada semua peringkat, iaitu penguatkuasaan oleh pihak berkuasa dan perusn kilang itu sendiri.

"Banyak kilang beroperasi di Selangor dan seperti menjadi satu pesta pula apabila berlaku masalah (bekalan) air di negeri itu. Ia menyusahkan rakyat yang terpaksa mengangkut air naik turun tangga dan sebagainya.

"Gangguan bekalan air di Lembah Klang ketika ini turut membahayakan penduduk di kira-kira 5,000 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang I dan Lembah Subang II di Selangor," katanya.



KERATAN AKHBAR
7 September 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Teliti keberkesanan penalti lebih tinggi pesalah kes
Muka Surat	:	3

Teliti keberkesanan penalti lebih tinggi pesalah kes

Kuala Lumpur: Peningkatan nilai denda terhadap pesalah kes pencemaran sumber air perlu disusuli penyelarasan kerjasama pelbagai agensi dan penguatkuasaan secara menyeluruh, khususnya membabitkan 'kawasan panas'.

Presiden Persatuan Pencinta Alam (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, menyifatkan pindaan perundangan berkaitan untuk memperuntukkan hukuman denda lebih berat kepada pesalah kes sedemikian adalah langkah tepat mengikut perkembangan semasa.

Bagaimanapun, katanya, setiap prosiding mahkamah membabitkan kes pencemaran memerlukan beban pembuktian yang sangat sukar, sekali gus menyaksikan pesalah biasanya hanya dikenakan denda pada kadar lebih rendah.

"Membuktikan kesan pencemaran bukan tugas mudah kerana akhirnya hakim perlu mem-

buat keputusan mengikut asas pembuktian dan hujahan, termasuk membabitkan kos kerugian yang dialami pelbagai pihak dalam insiden pencemaran air.

"Hasrat kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk meminda perundangan berkaitan supaya kadar penalti ditingkatkan amat tepat, tetapi sejauh mana ia dapat menjadi pemangkin ke arah usaha mengekang insiden sedemikian daripada berterusan adalah persoalan lain.

"Banyak faktor lain yang memainkan peranan jika kita teliti dari aspek keberkesanan perundangan dengan memperuntukkan penalti lebih tinggi," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kelmarin, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dilaporkan berkata, denda maksimum untuk kesalahan pencemaran air akan dinaikkan kepada RM1 juta, berbanding jumlah asal RM500,000 menerusi langkah me-

nambah baik Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999.

Pindaan enakmen berkenaan akan dibawa untuk dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor yang dijadualkan mulai Oktober hingga November depan.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man turut dilaporkan berkata, pindaan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada akan disegerakan supaya hukuman lebih berat dikenakan terhadap pesalah kes pencemaran sumber air.

Pindaan itu antara lain membabitkan Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Ahmad berkata, usaha menangani pencemaran air juga wajar disusuli pelarasan kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Perumahan



Dr Ahmad Ismail

dan Kerajaan Tempatan (KPKT), agensi penyelia pembekalan air di peringkat negeri seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta kerajaan negeri.

"Jika penguatkuasaan dan pengurusan membabitkan industri yang berupaya mengundang risiko pencemaran dilakukan secara lebih bersepadu, insiden yang menjejaskan pelbagai sektor ekonomi seperti ini mungkin tidak akan berulang.

"Jangan kompromi perihal menjaga zon penampungan sungai kerana sebarang operasi kilang, tanpa mengira jenis pelupusan bahan buangan berdekatan tebing sungai berupaya mengundang kesan negatif yang tidak dapat dijangka," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 September 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kadar pertumbuhan ekonomi negara lebih baik
Muka Surat	:	5

Kadar pertumbuhan ekonomi negara lebih baik

Alor Setar: Sektor industri yang kembali beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), berpotensi menjadikan Malaysia antara negara terawal bangkit semula dengan kadar pertumbuhan ekonomi lebih baik susulan pandemik COVID-19.

Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata walaupun ekonomi negara menguncup 17.1 peratus seperti diumumkan baru-baru ini, trend semasa adalah positif ke arah landasan lebih baik.

“Kini kebanyakan sektor kembali beroperasi dan lebih 15 juta penduduk kembali bekerja. Kadar pengangguran mula berkurangan disebabkan sektor ini kembali beroperasi,” katanya.

Selain itu, beliau menjelaskan, suntikan Pakej Rangsangan Ekonomi dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) juga dapat menangani kesan negatif akibat pandemik COVID-19.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Makan Malam Penggerak Komuniti Negara (PKN) Kedah/Perlis di Dewan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), di sini

Kebanyakan sektor kembali beroperasi dan lebih 15 juta penduduk kembali bekerja. Kadar pengangguran berkurangan.

Mohamed Azmin Ali,
Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri)

malam kelmarin yang turut dihadiri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraidda Kamaruddin.

Mohamed Azmin berkata, Malaysia dilihat berada pada landasan betul berikutan laporan antarabangsa mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) pada tahun depan antara 6.3 hingga 7.5 peratus.

Beliau menegaskan, rakyat perlu bersama-sama membantu ke arah mencapai sasaran berkenaan dengan berbelanja agar ekonomi negara terus berkembang.

“Pada masa sama, kita tidak mahu ada pihak cuba menakutkan rakyat dengan kongsi perkara tidak benar.

“Saya akan membawa barisan pimpinan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk bertemu pemegang saham, persatuan pengilang, industri dan sebagainya untuk mendengar keluhan dan keperluan mereka.

“Semua penggiat industri ini harus seiring dengan kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus positif pada 2021,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 September 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Bukan soal jawatan, tetapi berkhidmat untuk rakyat'
Muka Surat	:	15

'Bukan soal jawatan, tetapi berkhidmat untuk rakyat'

Alor Setar: Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyatakan pendiriannya tidak mahu memikirkan soal jawatan dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang baru disertai pada 22 Ogos lalu.

Beliau berkata, apa yang difikirkannya adalah menyalurkan khidmat kepada parti berkenaan selain Perikatan Nasional (PN) yang mentadbir negara ini.

"Saya bersama Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin dan beberapa Ahli Parlimen lain menyertai BERSATU sebelum ini bukan untuk memikirkan soal kedudukan, tetapi kami mahu kukuhkan kerajaan PN dan BERSATU.

"Kita hanya mahu berkhidmat kepada parti dan kerajaan, lagi pun saya sudah bersama Perdana Menteri yang juga Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika beliau menjadi pemimpin

UMNO lagi. Saya antara penyokong kuat beliau," katanya ditemui selepas Majlis Makan Malam Penggerak Komuniti Negara (PKN) Kedah/Perlis di sini, malam kelmarin.

Sebelum ini, media melaporkan Timbalan Presiden BERSATU, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, sebagai berkata kedudukan bekas Timbalan Presiden PKR itu akan dibincangkan pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) bagi melantik beliau sebagai seorang daripada naib presiden.

Azmin yang juga Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam ucapannya memberitahu beliau lebih selesa berkawan atau bekerjasama dengan PAS dan UMNO dalam usaha memenuhi aspirasi rakyat.

Rakyat memerlukan kerajaan yang stabil daripada diheret dengan kemelut perebutan jawatan

Perdana Menteri seperti berlaku dalam Pakatan Harapan (PH) sebelum ini.

Dalam perkembangan sama, Azmin turut menyatakan keyakinan bahawa gabungan PN dan Muafakat Nasional (MN) yang dibentuk mampu mencapai kejayaan yang cemerlang pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-15 jika ia dilaksanakan dalam masa terdekat.

Katanya, keyakinan itu bersandarkan sokongan masyarakat berbilang bangsa ketika Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Slim dan Chini, selain penerimaan rakyat terhadap kepemimpinan Muhyiddin, terutama ketika proses fasa pemulihan pandemik COVID-19.

Pada majlis sama, dua wakil rakyat Bebas di Kedah, Azman Nasrudin dan Dr Robert Ling Kui Ee mengumumkan menyertai BERSATU.

Azman adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lunas ma-

Kita hanya mahu berkhidmat kepada parti dan kerajaan, lagi pun saya sudah bersama Perdana Menteri yang juga Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika beliau menjadi pemimpin UMNO lagi.

Mohamed Azmin Ali,
 Ahli Parlimen Gombak



nakala Robert adalah ADUN Siam yang juga EXCO kerajaan negeri.

Sebelum ini, Azman dan Robert mengumumkan keluar PKR serta menjadi wakil rakyat Bebas dengan menyatakan sokongan kepada PN, pada 12 Mei lalu.

Azman berkata, pihaknya menjangkakan hampir 10,000 ahli PKN di negeri ini akan mengikut langkahnya menyertai BERSATU.

Penyertaan akar umbi PKN dalam BERSATU tidak lama lagi akan turut membabitkan kaum lain iaitu India, Cina dan Siam.

Isa susulan pengumuman Presiden BERSATU, Muhyiddin bahawa parti itu akan mewujudkan sayap baharu bagi membolehkan ahli bersekutu daripada bukan Melayu dan bukan Bumiputera, dapat bersama memegang jawatan dan menyumbang idea.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Majlis Agama Islam 'berpeluk tubuh'?
Muka Surat	:	1

Penularan fahaman liberal berkembang agresif dalam media sosial

Majlis Agama Islam 'berpeluk tubuh'?

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
hadzman@utusan.com.my

KUALA LUMPUR: Majlis agama Islam setiap negeri dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) digesa tidak 'berpeluk tubuh' dalam mengekang penularan fahaman liberal yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, ini kerana hasil risikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati fahaman dan ideologi berkenaan termasuk *Freemason* kini sudah menjadi ancaman serius di negara ini yang disebarkan melalui Facebook, Twitter, YouTube, WhatsApp dan Telegram sebagai 'alat propaganda songsang'.

Lebih mengejutkan, ideologi liberal itu dipercayai telah mula berkembang di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor.

Bersambung di muka 2

Majlis Agama Islam 'berpeluk tubuh'?

Dari muka 1

"PDRM mengesan anasir ini bukan sahaja lantang mengeluarkan pandangan menerusi media sosial, bahkan mula menjadikan pengangkutan awam seperti perkhidmatan transit aliran ringan (LRT) sebagai platform untuk menyebarkan fahaman dan ideologi liberal ini.

Gerakan ini seolah-olah melakukan 'dakwah janaan', padahal ia digerakkan secara agresif untuk tujuan ini.


"Ketika ini masing-masing di setiap jabatan ada bahagian perundangan sendiri termasuklah PDRM.

"Jadi, setiap majlis agama Islam negeri dan SKMM apabila pihak mereka melihat ada sahaja bahan-bahan yang bertentangan fahaman liberal ini terapar dalam laman sosial, segeralah bertindak menyekatnya. Iangan hanya 'berpeluk tubuh' sahaja, tunggu laporan orang ramai kepada pihak polis, kemudian baru bertindak, macam 'makan gaji buta'." kata sumber dalam pertemuan dengan akhbar ini semalam.

Menurut sumber itu, ideologi songsang sememangnya kian menular dalam masyarakat Islam negara ini dan tidak menghairankan munculnya golongan yang menuntut kesamarataan jantina, perkhawinan sesama jenis, menolak ulama selain menghalalkan perkahwinan orang Islam dengan penganut agama lain serta tuntutan kebebasan beragama.

Paling menjengkelkan ada kalangan mereka ini tanpa

BERMUTU SAHABAT



ANTARA fahaman dan ideologi gerakan liberal disebarkan dalam media sosial yang didedahkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

segar silu memaparkan gaya hidup songsang secara terang-terangan dalam media sosial sehingga ada yang sanggup bertindak menukar jantina mereka konon atas prinsip kebebasan individu.

Menurut sumber itu lagi, risikan PDRM turut mendapati kumpulan terbahit kerap mengadakan persidangan video (*video conferencing*) yang dilakukan secara sulit pada awal pagi bagi mengelak gerakan mereka dikesan.

"Difahamkan, mana-mana individu yang mahu menyertai perhimpunan sulit tersebut akan diberikan kata laluan (khas) beberapa jam sebelum berlangsung.

"Anasir ini dipercayai bergerak dengan dibentengi kuasa dan sokongan dana besar daripada organisasi dan individu tertentu," katanya.

Justeru, kata sumber itu, antara benteng untuk mengawal penularan kelompok berkenaan adalah dengan mendapatkan kerjasama serinus daripada semua pihak terutama majlis dan jabatan agama Islam negeri serta SKMM.

"Kelihatannya sekarang adalah tiada tindakan tegas daripada agensi-agensi terlibat seperti apa sahaja berkaitan agama Islam tidak mendapat pembelaan sewajarnya.

"Bayangkan sekiranya ada orang Islam melakukan tindakan serupa dengan menghina agama lain, tentunya pantas ada pihak 'meroyan' membe-bada oleh Melayu Islam. Jadi, adakah agensi-agensi berkaitan bersedia untuk mempertahankan agama rasmi negara ini bersama-sama dan ditindas?" tegasnya.



KERATAN AKHBAR		
7 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Azmin lebih selesa berkawan dengan Pas, UMNO
Muka Surat	:	6

Azmin lebih selesa berkawan dengan Pas, UMNO

ALOR SETAR: Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengakui beliau lebih selesa berkawan dan bekerjasama dengan Pas serta UMNO berbanding Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mohamed Azmin yang juga bekas Timbalan Presiden PKR berkata, beliau juga lebih yakin menjalankan kerjasama dengan pemimpin Pas dan UMNO dalam Perikatan Nasional (PN) dan Muafakat Nasional (MN).

Malah menurutnya, beliau bosan dengan Anwar yang sebelum ini bercakap mengenai cita-citanya menjadi Perdana Menteri pada setiap hari manakala bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pula masih mahu memegang jawatan tersebut.

“Saya lebih yakin duduk di sebelah Pas dan UMNO daripada duduk dengan Anwar. Saya bukan kenal dia satu hari (atau) dua hari, berpuluh tahun (saya kenal), sudah-sudahlah.”

“Saya ingat dua-dua ini rehat, serahkan kepimpinan kepada (Perdana Menteri) Tan Sri Muhiyidin Yasin,” katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam Penggerak Komuniti Negara (PKN) Kedah di Alor Setar



malam semalam.

Yang hadir sama Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin dan Pengerusi PKN Kedah, Azman Nasrudin.

Mohamed Azmin berkata, atas sebab tersebut juga beliau mengambil keputusan untuk tidak lagi bersama Pakatan Harapan (PH), sebaliknya menyokong kerajaan PN pimpinan Muhyiddin.

Sementara itu, dalam sidang akhbar selepas majlis itu, beliau menegaskan tidak mahu memikirkan soal jawatan dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang baharu disertai-



Saya lebih yakin duduk di sebelah Pas dan UMNO daripada duduk dengan Anwar. Saya bukan kenal dia satu hari (atau) dua hari, berpuluh tahun (saya kenal), sudah-sudahlah.”

MOHAMED AZMIN ALI

nya pada 22 Ogos lalu.

Katanya, pada masa ini, apa yang difikirkan adalah hanya untuk menyalurkan khidmat kepada parti berkenaan selain kerajaan baharu PN yang menadbir negara.

“Saya dan beberapa ahli Parlimen lain menyertai Bersatu bukanlah untuk memikirkan soal kedudukan, tapi kami mahu kukuhkan kerajaan PN dan Bersatu,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 September 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pinda akta elak 'pesta' tiada air
Muka Surat	:	12

Pinda akta elak 'pesta' tiada air

ALOR SETAR: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengakui terdapat kelompangan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan bagi mengambil tindakan lebih tegas terhadap pengilang yang melakukan pencemaran sumber bekalan air.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, keadaan tersebut menyebabkan pihak pengilang tidak takut melakukan kesalahan walaupun boleh memberi kesan terhadap ramai pengguna.

Sehubungan itu, katanya, KPKT akan mengusulkan rang undang-undang di bawah akta tersebut bagi membolehkan tindakan lebih tegas dikenakan ke atas pengilang yang tidak ber-

tanggungjawab.

"KPKT maklum ada kelompangan dalam undang-undang dan kita memang dalam persediaan rang undang-undang untuk penguatkuasaan lebih tegas kepada pengilang yang mencemarkan air," katanya selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor di sini semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan kerajaan akan menyetujui pindaan undang-undang sedia ada supaya hukuman lebih berat terhadap pesalah yang melakukan pencemaran terhadap sumber air.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan

Man dilaporkan berkata, pindaan yang dibuat membolehkan Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling.

Zuraida berkata, gangguan bekalan air di Lembah Klang turut melibatkan kira-kira 5,000 penduduk yang mendiami unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang I dan Lembah Subang II yang diseliatkan oleh KPKT.

"Saya berharap Kerajaan Negeri Selangor ambil serius kerana masalah ini kerap berulang dan boleh dikatakan berlaku hampir setiap tahun bagaikan satu 'pesta' tiada air," katanya.



ZURAIDA KAMARUDDIN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 September 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Bayar gaji berdasarkan prestasi
Muka Surat	:	47

Bayar gaji berdasarkan prestasi

Oleh MUHAMMAD HELMEE RAMLI

PEMILIK baharu Kelantan, Norizam Tukiman melaungkan amaran selepas kecewa menyaksikan aksi longlai barisan pemain *The Red Warriors* (TRW) selepas seri tanpa jaringan dengan Selangor 2 pada aksi Liga Premier di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kelmarin.

Beliau yang hadir menyaksikan perlawanan itu tidak menolak kemungkinan akan membayar gaji setiap pemain TRW berdasarkan prestasi semasa sekali gus mampu menghadirkan gerun dalam kem pasukan itu.

"Saya tidak janji apa-apa sebelum perlawanan. Saya boleh ibaratkan jika tampil aksi lebih bagus, mereka layak dapat Ferrari atau Porsche. Sekiranya pemain tidak jaringan gol, mungkin saya kurangkan gaji.

"Sebenarnya ia sesuatu yang logik kerana pemain dibayar gaji berpuhul ribu, sudah tentu saya harapkan persembahan yang bagus. Secara jujur, saya lihat pemain import seperti tidak layak dibayar gaji mahal.

"Saya akan berbincang dengan orang yang lebih arif mengenai kontrak. Jika boleh diubah, saya akan ubah. Sebagai contoh, gaji pemain RM50,000, namun mungkin dibayar RM20,000 sahaja jika prestasi tidak memuaskan," katanya.

Sementara itu, ketua jurulatih Kelantan, Yusri Che Lah mengakui bertanggungjawab atas kegagalan menghadiahkan keme-



PEMAIN import, Felix Chidi Odili (kanan) cuba melepasi pemain Selangor 2, Muhammad Iqmal Ramlan pada aksi Liga Premier di Stadium MBPJ, Petaling Jaya kelmarin. - MUHAMAD IQBAL ROSLI

nangan pertama kepada pemilik baharu pasukan itu.

TRW terpaksa berpuas hati dengan satu mata meskipun

menentang Selangor 2 yang beraksi dengan 10 pemain selepas menia-siakan deretan peluang termasuk satu sepakan penalti.

"Saya minta maaf dengan apa yang berlaku. Saya harap pemain ambil iktibar menjelang perlawanan akan datang," jelasnya.



KERATAN AKHBAR		
7 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Harapan kepada LRA Langat 2
Muka Surat	:	2

Harapan kepada LRA Langat 2

AWER akui krisis bekalan air tidak bertambah serius jika LRA Langat 2 beroperasi penuh

Oleh **KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN**

SHAH ALAM

Isu gangguan bekalan air tidak berjadual di Lembah Klang yang semakin kerap berlaku mungkin tidak serius dan mampu dibendung sekiranya Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 dapat beroperasi sepenuhnya ketika ini.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran berkata, apabila Sungai Selangor yang menjadi sumber air kepada penduduk Lembah Klang tercemar, penyaluran bekalan air dari LRA sungai itu terpaksa dihentikan susulan operasi remediasi kawasan terkesan.

Menurutnya, sebaik sahaja operasi remediasi itu dilaksanakan serta-merta, lebih 60 peratus daripada penduduk sekitar Lembah Klang berdepan gangguan bekalan air kerana margin simpanan air di kawasan itu hanya sekitar tiga hingga lima peratus dan tidak cukup menampung kegunaan pada waktu kecemasan.

"Saya percaya cerita berbeza



Pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 bernilai RM4 bilion dijangka berupaya membekalkan air bersih dan terawat kepada kira-kira 1.87 juta pengguna.

akan dialami penduduk Lembah Klang sekiranya LRA Langat 2 dapat beroperasi sepenuhnya ketika ini kerana operasi loji sokongan itu pastinya mengurangkan impak gangguan kepada penduduk daripada 60 peratus kepada 30 peratus.

"Ketika ini, operasi LRA Langat 2 hanya beroperasi 80 peratus apabila pemasangan paip penyambungan bekalan air ke kawasan penting akan siap sepenuhnya pada tahun 2021 hingga 2022.

"Justeru, kerajaan perlu menyiapkannya dengan lebih awal dari tarikh yang ditetapkan sebagai penyelesaian jangka pendek isu bekalan air di Lembah Klang.

"LRA Langat 2 sememangnya sudah hampir siap tetapi sistem paip untuk menyalurkan air bersih belum disediakan

menyebabkan ia ditunda ke tahun 2021 dan 2022," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, kelewatan itu juga menyebabkan pengguna di Lembah Klang lewat memperoleh bekalan air semula jika berlaku kebocoran paip atau pencemaran di sungai air terawat.

"Ketika ini, LRA Sungai Selangor adalah antara loji terbesar yang menyalurkan 60 peratus air kepada penduduk sekitar Selangor dan apabila sungainya terjejas, banyak kawasan akan terlibat dengan gangguan bekalan air.

Jelasnya, Langat 2 perlu beroperasi sepenuhnya dalam masa terdekat disebabkan margin sim-

panan air perlu ditingkatkan kepada 15 peratus sekurangnya bagi menampung air untuk penduduk pada waktu kecemasan.

Kata beliau, margin simpanan yang banyak membolehkan air disalurkan dengan segera kepada pengguna dan proses pemulihan akan berjalan dengan segera.

Bagi penyelesaian jangka masa panjang pula, Piapakaran menggesa kerajaan negeri Selangor dan Pusat memberi fokus kepada usaha mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) kepada paras maksimum.

Menurutnya, kadar NRW di Lembah Klang sebanyak 30 peratus adalah tiga kali ganda lebih tinggi daripada kadar NRW di Tokyo, Jepun.

"Jika kita dapat kurangkan lebih banyak kadar NRW, pendapatan kerajaan akan meningkat kerana bekalan air yang tidak 'hilang' itu bertukar menjadi duit.

"Dari situ, kerajaan akan mempunyai peruntukan kewangan yang diperlukan

bagi menambah baik sistem paip," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan fasa pertama LRA Langat 2 yang dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2022 bakal memberi manfaat air bersih dan terawat kepada kira-kira 1.87 juta pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Abdul Hadi Ali berkata, kemajuan keseluruhan projek LAR Langat 2 sudah 80.33 peratus siap setakat 31 Disember 2019.

Katanya, PAAB bertanggungjawab membangunkan LRA Langat 2 yang merangkumi 23 pakej membabitkan kawasan termasuk Hulu Langat, Cheras, Sungai Besi, Bukit Jalil, Petaling Jaya, Bandar Kinrara, Bukit Dengkil, Ampang serta Keramat AU3.

"Projek LRA Langat 2 ini adalah projek pembangunan bekalan air terbesar di Asia Tenggara yang mula dibina pada Mac 2014 dan berupaya membekalkan keperluan 1,130 juta liter air sehari (MLD) kepada penduduk di Lembah Klang.

"Kerajaan Persekutuan ber-setuju membina LRA Langat 2 dengan kos RM4 bilion bagi menampung keperluan dan permintaan tinggi bekalan air di Lembah Klang berbanding peruntukan RM3.7 bilion sebelum ini," katanya.



S.PIAPAKARAN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

7 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Tak guna dapat air percuma jika bekalan asyik putus'
Muka Surat	:	2

'Tak guna dapat air percuma jika bekalan asyik putus'

SHAH ALAM - Program pemberian air percuma secara bersasar kerajaan negeri Selangor kepada kira-kira 180,000 penduduk dilihat tidak mencapai matlamat ekoran kekerapan gangguan air yang tidak berkesudahan.

Ketua Penerangan Barisan Nasional (BN) Selangor, Isham Jalil berkata, jika bekalan air terputus seramai lima juta penduduk termasuk 180,000 rakyat yang mendapat air percuma akan terkesan.

"Apa guna kita mendapat air percuma jika (bekalan) air asyik putus?"

"Saya melihat program pemberian air percuma bersasar itu hanya benar-benar bermanfaat jika kerajaan negeri

menangani masalah terputus bekalan air yang kerap berlaku di Selangor ini," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Isham berkata, isu bekalan air yang perlu diselesaikan kerajaan negeri ialah penguatkuasaan undang-undang berkenaan pencemaran sungai daripada kilang haram atau premis serta pihak-pihak ingkar yang lain.

"Di negara maju dan negeri lain, jika satu sumber air mentah tercemar, pembekal air akan ada sumber air untuk *back up*."

"Masalahnya di Selangor, ia tidak berlaku di mana kapasiti rizab loji pemprosesan air bersih amat nipis berbanding negeri lain," kata beliau.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	KPKT kaji kelompongungan undang-undang
Muka Surat	:	3

KPKT kaji kelompongungan undang-undang

ALOR SETAR - Kelompongungan undang-undang di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan dikaji semula bagi membolehkan kerajaan tempatan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pihak yang melakukan pencemaran alam.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, isu pencemaran alam di bawah bidang kuasa Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), manakala KPKT hanya berkaitan lesen serta kutipan cukai ke atas pengilang.

“Mengenai pencemaran alam, KASA yang memiliki kuasa untuk mengambil tindakan, manakala bidang kita (KPKT) adalah keluarkan lesen jika mereka ikut syarat dan membayar lesen, cukai serta sebagainya.

“Bagaimanapun, kita maklum ada kelompongungan dari segi undang-undang untuk kerajaan tempatan mengambil tindakan kepada pengilang,” katanya pada sidang akhbar selepas kunjungan hormat ke atas Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor di Wisma Darul Aman di sini semalam.

Dalam pada itu, Zuraida berkata, pihaknya akan mencadangkan satu usul menggubal undang-undang lebih tegas terhadap pengilang mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Berhubung kes pencemaran di Selangor, Zuraida berkata, ia harus diketengahkan susulan masalah pencemaran sungai dari kilang kerap terjadi sehingga menyusahkan rakyat.

“Kita berharap kerajaan negeri Selangor ambil serius perkara itu memandangkan masalah air di negeri berkenaan seperti satu pesta menyusahkan rakyat. Ia memerlukan penyelesaian holistik di semua peringkat,” katanya.

Beliau mengulas mengenai tindakan yang boleh diambil KPKT susulan pencemaran alam hingga menyebabkan masalah air di Selangor.



KERATAN AKHBAR
7 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Umno desak pinda akta
Muka Surat	:	3

UMNO desak pinda akta

Sungai dan sumber air tercemar akibat tindakan pihak tidak bertanggungjawab

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

UMNO mendesak kerajaan menggubal undang-undang baharu atau meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 bagi menangani isu pencemaran sungai.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kesalahan berulang yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab menyebabkan sumber bekalan air tercemar dan ia tidak boleh diterima sama sekali.

Menurutnya, kejadian berkenaan merupakan suatu sabotaj bekalan air negara dan jelas membebankan mesej kepada kerajaan negeri Selangor khususnya dan kerajaan Persekutuan amnya bahawa undang-undang sedia ada tidak memadai.

"Pindaan akta atau undang-undang baharu perlu merangkumi denda dan kompaun yang lebih tinggi iaitu 10 kali ganda daripada kos pembersihan pencemaran air sungai tercemar.

"Pemilik premis atau syarikat termasuk Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat perlu dikenakan hukuman penjara mandatori dan sebatan kerana sabotaj bekalan air negara.



AHMAD ZAHID



Pencemaran sungai ditafsir sebagai sabotaj bekalan air negara dan menjejaskan keperluan asas rakyat.

"Selain itu, lesen perniagaan syarikat berkaitan (harus) dibatalkan dan pemilik premis atau pemilik syarikat perniagaan termasuk lembaga pengarah dan pengurusan syarikat disenarai hitam daripada menjalankan sebarang aktiviti perniagaan bagi tempoh sekurang-kurangnya 10 tahun," kata beliau dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, penahanan dan pendakwaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa di bawah Seksyen 430 Akta Kanun Keseksan melibatkan pemilik premis yang disyaki melepaskan bahan pelarut ke dalam Sungai Gong yang mengalir ke Sungai Sembah adalah sesuatu yang wajar.

Ujarnya, UMNO juga menggesa pihak berkuasa mendakwa pemilik premis atau syarikat serta lembaga pengarah dan pengurusan syarikat tersebut di bawah Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang jika didapati bersalah mencemarkan sistem bekalan air boleh dikenakan hukuman mati atau penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

"Pemilik premis atau syarikat serta lembaga pengarah dan pengurusan syarikat berkenaan perlu disiasat di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan tindakan tegas perlu diambil kerana mensabotaj serta mencemarkan sungai di Selangor," katanya.

Sejak Khamis lalu, sebanyak 1,292 kawasan di tujuh daerah sekitar Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual susulan pencemaran di Sungai Selangor, menjejaskan kira-kira lima juta pengguna.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	2 ADUN Bebas Kedah sah sertai Bersatu
Muka Surat	:	8

2 ADUN Bebas Kedah sah sertai Bersatu

ALOR SETAR - Dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bebas dari Lunas dan Sidam mengisytiharkan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

Kedua-dua ADUN berkenaan iaitu Azman Nasrudin (Lunas) dan Dr Robert Ling Kui Ee (Sidam) mengumumkan pendirian mereka pada majlis makan malam Penggerak Komuniti Negara (PKN) di sini malam kelmarin.

Pada majlis itu, Azman turut menyerahkan borang keahlian Ber-

satu bagi pihak PKN negeri kepada Ketua Badan Pimpinan Bersatu Kedah Datuk Mohd Suhaimi Abdullah dan disaksikan bekas Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali serta bekas Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin yang pada 22 Ogos lalu mengumumkan secara rasmi menganggotai Bersatu.

Pada 12 Mei lalu, Azman dan Robert mengumumkan keluar daripada PKR untuk menjadi wakil rakyat Bebas dan menyatakan so-

kongan kepada kerajaan Perikatan Nasional (PN) di bawah pimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Azman yang juga Pengerusi PKN Kedah berkata, lebih ramai ahli PKN negeri dan bukan Melayu akan menyertai Bersatu susulan pengumuman Muhyiddin yang juga presiden parti untuk mewujudkan sayap baharu bagi membolehkan ahli bersekutu daripada golongan bukan Melayu dan bukan bumiputera bersama-sama dalam Bersatu.



Azman (tengah) menyerahkan borang keahlian Bersatu kepada Suhaimi (kiri) sambil diperhatikan Mohamed Azmin dan Zuraida pada Majlis Makan Malam PKN Kedah di MBAS malam kelmarin.



KERATAN AKHBAR
7 September 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bekalan air tidak patut dicemari dengan mudah
Muka Surat	:	16

Bekalan air tidak patut dicemari dengan mudah



ANALISIS
MUKA 16

ONG BOON TECK

Air adalah sumber alam yang amat penting kepada kehidupan manusia. Tidak kiralah ia digunakan untuk diminum ataupun cucian, aktiviti seharian kita pastinya bermasalah sekiranya bekalan air terputus.

Masalah gangguan bekalan air susulan pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor beberapa hari lalu kembali berulang menghantui pengguna yang terjejas.

Ini berikutan empat Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 dan Rantau Panjang dihenti tugas akibat pencemaran yang dilakukan oleh sebuah kilang membaiki jentera berat yang terletak di Jalan Batu Arang, Rawang, Selangor.

Bahan tercemar itu dibuang ke Sungai Gong yang mengalir ke Sungai Sembah yang merupakan anak sungai utama Sungai Selangor di mana LRA Rantau Panjang terletak.

Ia sekali gus menjejaskan 1,292 kawasan di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan Selangor membabitkan 1.2 juta akaun pengguna terputus bekalan air serta-merta.

Krisis air yang berlarutan selama tiga hingga empat hari lalu mendedahkan pihak pengendali bekalan air iaitu Syarikat Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) seolah-olah tidak memandang serius mengenai tahap keselamatan dan penjagaan bekalan air kepada pengguna.

Walaupun pengusaha kilang berkenaan telah dibawa ke muka peng-

adilan, namun ia belum cukup memberikan jaminan kepada kita bahawa kejadian seperti itu tidak akan berlaku lagi.

Apa yang mendukacitakan, syarikat yang dikendalikan oleh empat beradik itu adalah pesalah berulang apabila telah didenda RM60,000 untuk kesalahan sama beberapa bulan yang lalu.

Daripada mengelakkan sungai terus tercemar sehingga menyebabkan bekalan air bersih turut terjejas, sudah sampai masanya kerajaan perlu bertindak dengan lebih tegas lagi tanpa tolah ansur.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man baru-baru ini berjanji tindakan penguatkuasaan pelbagai agensi negeri dan Pusat sedang berjalan.

Adalah diharapkan peruntukan undang-undang sedia ada juga diubah agar hukuman lebih berat dikenakan terhadap pesalah.

Saranan

Begitu juga jaminan yang diberikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bahawa beliau akan membawa cadangan meminda Akta Industri Perkhidmatan Air dan Akta Kualiti Alam Sekeliling bagi memperuntukkan hukuman lebih berat kepada pesalah.

Selain saranan dan cadangan daripada kedua-dua Menteri itu, bekas Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago mencadangkan agar sebuah badan khas ditubuhkan bagi melindungi sungai di negara kita daripada terus tercemar.

Katanya, badan itu perlu mewujudkan kawasan penampungan seluas 300 hingga 400 meter di sekitar sungai dan tiada lagi kegiatan pernia-

gaan boleh dilakukan di situ.

Beliau turut menggesa kerajaan menubuhkan Lembaga Perlindungan Sungai Negara dengan mewujudkan zon penampungan seluas 300 hingga 400 meter.

Dengan badan khas itu, beliau berharap polis dan badan penguat kuasa lain boleh ditugaskan untuk memantau sesebuah kawasan dengan bantuan kamera litar tertutup (CCTV) dan teknologi lain.

Kita turut mengalu-alukan kenyataan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bahawa kerajaan negeri Selangor akan meminda Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 bagi menaikkan denda kepada pesalah yang mencemari sumber air di negeri itu.

Katanya, kerajaan negeri Selangor berhasrat menaikkan hukuman denda maksimum daripada RM500,000 kepada RM1 juta terhadap individu atau premis yang mencemari sumber air.

Bagi pihak Air Selangor pula, ia sepatutnya merangka perancangan lebih tersusun agar tidak semestinya menutup LRA ketika berlaku pencemaran sehingga pengguna terputus bekalan air.

Pengguna sudah serik kerana setiap kali berlaku pencemaran, LRA pastinya ditutup selama beberapa hari.

Sumber air amat diperlukan setiap orang dan merupakan sumber penting dan tidaklah keterlaluan jika ia dikategorikan sebagai keselamatan negara.

Mana-mana pihak yang mencemarinya bolehlah disamakan seperti pengkhianat negara dan seharusnya dihukum berat.

** Ong Boon Teck ialah Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian*



KERATAN AKHBAR		
7 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Air oh air...
Muka Surat	:	18

Air oh air...



Jemu dan bosan mendengar satu demi satu isu masalah bekalan air berlaku. Terkini, seramai lima juta pengguna di 1,292 kawasan di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan penutupan sementara loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 dan LRA Rantau Panjang berikutan pencemaran air mentah di Sungai Gong.

LRA hanya boleh beroperasi semula jika tahap pencemaran berada pada tahap sifar ton tiga kali berturut-turut.

Malangnya LRA tidak boleh merawat bahan kimia pencemar kerana kosnya tinggi, selain boleh menyebabkan pengguna dalam keadaan berisiko dari segi kesihatan terutama kanak-kanak, warga emas dan mereka yang menghidap penyakit tertentu. Justeru, pilihan terbaik adalah dengan menutup sementara operasi LRA tersebut.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ir Zaini Ujang, hujan yang turun di harap dapat membawa pelepasan sisa kimia tersebut ke hilir sungai pada kadar yang lebih cepat seterusnya memulihkan bekalan air yang terjejas.

Menurut Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, usaha menghilangkan kesan pencemaran sumber air giat dilaksanakan tanpa henti bagi memastikan air yang bersih dan selamat dapat dibekalkan pada kadar segera.

Sementara itu, pengguna yang terjejas dengan penutupan LRA terbabit telah diagihkan dengan 78 lori tangki, 22 lori tangki jumbo, 54 tangki statik, 18 pusat khidmat setempat serta lapan pili air awam selain 23,000 botol air setiap satu yang mengandungi 5 liter air minuman.

Syarikat dan industri yang mengendalikan bisnes jutaan ringgit sehari turut terjejas. Operasi perniagaan makanan di sekitar Lembah Klang turut tergendala susulan pemilik premis perniagaan terpaksa mengambil bekalan air di kawasan yang tidak terjejas selain mengangkut berulang kali daripada lori tangki.

Ekoran pencemaran yang berlaku, sebuah kilang disita selama dua minggu dan dikenakan kompaun serta-merta selepas dipercayai melepaskan bahan pelarut ke dalam sungai tersebut yang mengalir ke Sungai Sembah iaitu antara sungai utama bagi Sungai Selangor.

Tahun lepas kilang sama telah dikenakan kompaun berjumlah RM60,000

akibat kesalahan yang sama.

Persoalannya mengapa kilang sama mengulangi tindakan tidak beretika ini tanpa rasa bersalah? Adakah kerana kelemahan dari aspek penguatkuasaan, pemantauan atau tindakan perundangan yang seolah-olah 'lemau' kerana premis yang sama hanya dikenakan denda tanpa didakwa di mahkamah?

Menurut Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Profesor Dr Ahmad Ismail, kerajaan perlu mengambil langkah segera bagi mengelakkan pencemaran sungai dan menjejaskan bekalan air kepada jutaan pengguna.

Peraturan ketat seperti pemantauan buangan sisa industri dan sampah haram atau tidak mengikut peraturan mesti dilaksanakan. Selain itu, peraturan zon penampungan juga harus diperkenalkan bagi semua sungai dari hulu ke hilir.

PBT juga harus melihat pelan pembangunan di kawasan masing-masing sebelum meluluskan sebarang projek atau kegiatan bagi mengelakkan sumber air tercemar hingga menjejaskan pengguna.

Pada masa sama, pihak berkuasa juga mesti memeriksa status kilang di seluruh negara dengan menutup premis haram dan mengenal pasti sungai yang kritikal dari segi pencemaran.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran mencadangkan JAS mewujudkan satu sistem komprehensif, antaranya menyenaraikan pembeli bahan kimia bagi memudahkan rujukan apabila berlaku pencemaran sungai. Malangnya, sehingga kini sistem itu belum diwujudkan.

Cadangan kerajaan Selangor untuk menaikkan jumlah kompaun daripada RM500,000 kepada RM1 juta juga amat dialu-alukan.

Namun, jumlah kompaun yang tinggi jika tidak diikuti dengan kesedaran dan etika yang tinggi dalam kalangan premis beroperasi serta masyarakat pastinya tidak akan berkesan.

Satu langkah konkrit diperlukan untuk meredakan isu ini!

Pengguna sudah bosan dengan pelbagai alasan yang diberikan oleh pihak berkuasa setiap kali berlakunya pencemaran sungai yang menjejaskan LRA.

Apa yang perlu adalah tindakan tegas dan proaktif dari aspek penguatkuasaan, pemantauan dan perundangan. Janganlah sekadar berjanji melakukan pelbagai tindakan, namun sunyi sepi selepas LRA kembali beroperasi.

** Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman ialah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 September 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Fokus pelaburan bernilai tinggi
Muka Surat	:	27

Fokus pelaburan bernilai tinggi

Tumpuan perlu ditekankan kepada industri berteknologi tinggi untuk sedia pekerjaan berkualiti

KANGAR

Kerajaan Pusat berharap kerajaan negeri Perlis lebih memberi tumpuan kepada pelaburan bernilai tinggi dan industri berteknologi tinggi bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, sudah tiba masanya kerajaan Perlis beralih kepada industri berteknologi tinggi kerana ia mampu membawa peluang pekerjaan berkualiti kepada rakyat.

“Kami di peringkat kerajaan Persekutuan kini sedang memberi fokus kepada usaha meningkatkan kemahiran tenaga kerja menerusi program *re-skilling* dan *upskilling* agar mereka dapat penuhi permintaan industri.

